

Mudah marah tiada kaitan kahwin lewat

➔ Pakar anggap masalah mental individu akibat gagal kawal emosi

Oleh **Norhafzan Jaafar**
dan **Saadiah Ismail**
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Sebilangan wanita berkahwin lambat dikatakan mudah marah, garang dan gagal mengawal emosi sehingga dianggap lewat bertemu jodoh sebagai penyebab utama mereka bersikap demikian.

Kaunselor Berdaftar dan Perunding Psikologi Kanak-Kanak, Remaja dan Dewasa, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Siti Fatimah Abdul Ghani, tidak menolak kemungkinan sikap wanita begitu disebabkan pelbagai faktor tekanan dalaman dan luaran.

Tidak adil membuat tanggapan itu kerana ia bergantung kepada sifat asal wanita sendiri.



Berkahwin cepat atau lewat bergantung pada banyak faktor. Terlalu subjektif untuk kaitkan kesan psikologi”

Dr Siti Fatimah Abdul Ghani,
Kaunselor Berdaftar dan
Perunding Psikologi Kanak-Kanak,
Remaja dan Dewasa, UPM

Katanya, wanita juga mempunyai personaliti dan sifat semula jadi yang memainkan peranan dalam membentuk jati diri serta tingkah laku.

“Berkahwin cepat atau lewat bergantung pada banyak faktor. Terlalu subjektif untuk mengaitkan kesan psikologi atau pembentukan karektor seseorang kerana pertimbangan keperibadian juga bergantung kepada latar belakang keluarga, komitmen peribadi dan kisah silam wanita.

“Apa yang penting, seseorang itu perlu bijak mengawal emosi, meluaskan pergaulan untuk mengelak tekanan sehingga bersifat pmarah, garang atau cepat melenjing boleh diatasi dengan bijak,” katanya, semalam.

Dr Siti Fatimah mengulas laporan BH kelmarin mengenai kajian Lembaga Penduduk dan Pempa-

ngunan Keluarga (LPPKN) yang mendapati 35.7 peratus wanita di negara ini masih membujang kerana terlalu memilih pasangan manakala 56 peratus lelaki pula tidak berkahwin kerana masalah kewangan.

Sementara itu, Pakar Perunding Psikiatri Universiti Malaya (UM), Prof Madya Dr Mohsin Ahmad Zahari, berkata tiada bukti menunjukkan individu lambat berkahwin berhadapan masalah mental.

Gangguan mental

Katanya, ada yang tidak berkahwin disebabkan pengalaman putus cinta, kecewa atau sebagainya.

“Pada pendapat saya, tidak kira kahwin awal atau lewat, masalah mental boleh berlaku kepada sesiapa sahaja jika gagal mengurus emosi dan menghadapi tekanan kewangan,” katanya.